

KEDIDI PEKTORAL
Pectoral Sandpiper

FAMILI: Scolopacidae
NAMA SAINTIFIK: *Calidris melanotos*

CIRI-CIRI

Semasa di luar musim membiak, individu dewasa menyerupai Kedidi Ekor Tajam, *C.acuminata*, tetapi bahagian kepala kurang berjalur. Jalur pada bahagian kening kurang jelas dan tiada jalur di sekeliling mata. Pada bahagian hadapan tengkuk dan dada, terdapat jalur-jalur gelap dan bahagian perut berwarna putih. Kaki berwarna kehijauan, coklat dan kekuningan. Semasa musim membiak, individu jantan dewasa menyerupai individu betina dewasa semasa musim membiak tetapi bahagian hadapan tengkuk dan dada berwarna coklat kehitaman dengan tompokan putih (jelas kelihatan semasa bulu melalui proses luruh). Bagi individu betina dewasa semasa musim membiak pula, bahagian atas belakang badan, pangkal sayap dan bahagian tertier berwarna coklat kehitaman. Pinggir bulu berwarna kuning langsung kemerahan pudar hingga warna kuning pucat coklat. Bahagian dada dan hadapan tengkuk berwarna kuning pucat manakala bahagian sisi badan berjalur.

SAIZ

Individu dewasa mempunyai saiz di antara 19-23 sm.

MAKANAN

Siput, ketam, serangga-serangga kecil dan cacing.

HABITAT

Kawasan berpayau, kolam garam dan persisiran kawasan hutan paya bakau.

BUNYI

Semasa terbang, mengeluarkan bunyi *kirrp* atau *chyrrk*, menyerupai Kedidi Pasir Kendi, *C.ferruginea*, tetapi bunyi yang dihasilkan adalah lebih kasar.

PEMBIAKAN

Musim membiak adalah pada bulan Jun-Julai dimana sarang dibina daripada rumput-rumput kering. Telur yang dihasilkan adalah sebanyak 4 biji.